

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD.  
KADIR [ SETIU ]**

**SOALAN NO. 453**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik biasiswa yang diberikan oleh Kerajaan kepada mahasiswa-mahasiswa di universiti Timur Tengah khususnya yang menuntut dalam jurusan agama

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan program penajaan dan biasiswa kepada pelajar untuk melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Pertama ke Timur Tengah iaitu Program Penghantaran Pelajar Cemerlang (PPC) Pendidikan Islam bermula tahun 2013. Program ini melibatkan penghantaran pelajar ke dua negara iaitu Jordan dan Mesir. Sehingga 31 September 2019, seramai 8,674 orang pelajar Malaysia menyambung pengajian ke Mesir dan Jordan. Daripada jumlah tersebut, seramai 2,179 orang pelajar menerima penajaan dalam bidang Pengajian Islam.

Berdasarkan jumlah ini, seramai 400 orang mendapat tajaan penuh, seramai 1,779 orang mendapat dermasiswa, dan seramai 6,495 orang menyambung pengajian dengan pembiayaan pinjaman kewangan dan dana persendirian (tanpa tajaan). Bidang-bidang agama yang diberikan penajaan adalah seperti Ulum Islamiah, pengajian islam, Fiqh Wa Usulluh, Bahasa Arab, Pengajian Qiraat, Ekonomi Perbankan Islam, Usuluddin,

**NO. SOALAN : 453**

Pengajian Islam/Pendidikan Islam, Pengajian Islam/Dakwah, Pengajian Al Quran dan Hadis, Fiqh Hanafi dan Tafsir. Bagi lain-lain negara Timur Tengah, semua pelajar adalah di bawah tajaan negara penempatan atau universiti masing-masing. Berikut merupakan statistik penerima biasiswa program ini:

Program		PPC UNTUK SEKOLAH							CATATAN
		TAHUN							
BIL	Bidang	2013	2014	2015	2016	2017*	2018	2019	
1	Pengajian Islam	-	18	20	-	-	-	-	Selain Daripada Yang Dinyatakan, Kesemua Pelajar Program PPC Pendidikan Islam Yang Lain Adalah Dihantar Di Universiti Yarmouk, Jordan.
2	Bahasa Arab	16	17	20	39	-	10	26	
3	Al-Quran Dan Qiraat	-	-	-	-	-	20 (AL-AZHAR, MESIR)	10 (WISE UNIVERSITY, JORDAN)	
<b>Jumlah</b>		<b>16</b>	<b>35</b>	<b>40</b>	<b>39</b>	<b>-</b>	<b>30</b>	<b>26</b>	

\*Tiada Pengambilan